

Klinik B2B

Pusat Kesihatan (Medical Centre) TTSH,

Tingkat B2

Telefon:

6357 7000 (Talian Utama)



Sila imbas kod QR dengan menggunakan telefon bimbit anda untuk mendapatkan maklumat dalam talian atau kunjungi <http://bit.ly/TTSHHealth-Library>

Adakah maklumat ini membantu anda? Jika anda ada sebarang maklum balas, sila hantarkan emel kepada

patienteducation@ttsh.com.sg



Tan Tock Seng
HOSPITAL
National Healthcare Group

© Hospital Tan Tock Seng, Singapura 2020. Hakcipta terpelihara. Semua maklumat benar pada Mei 2020. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, menyalin atau memindahkan mana-mana bahagian dokumen ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Hospital Tan Tock Seng. Semua maklumat dalam dokumen ini merupakan panduan sahaja, dan tidak menggantikan nasihat atau pendapat yang diberikan oleh doktor anda atau ahli profesional kesihatan yang lain.

JABATAN ENDOKRINOLOGI

Mencampurkan 2 Jenis Insulin Untuk Suntikan Cara untuk Membuat Persediaan bagi Suntikan dan Persimpanan Peralatan



Langkah 1: Persediaan Bagi

- A. Cuci tangan anda dan keringkan tangan.



- B. Pastikan anda ada semua peralatan yang diperlukan. Periksa tarikh luput pada botol insulin. Buang botol tersebut 4 minggu selepas anda membukanya, atau mengikut arahan doktor anda.



- C. Tuliskan tarikh bila anda membuka botol baru.



- D. Golekkan botol insulin jenis keruh dengan telapak tangan, sekurang-kurangnya 10 kali untuk memastikan ampaian itu dicampur dengan rata.

Jangan goncangkan botol insulin itu.



- E. Bersihkan penutup getah pada botol insulin dengan menggunakan kapas beralkohol.



Langkah 2a: Masukkan Udara ke dalam Botol Insulin Jenis Keruh (INSULATARD^R)



- A. Masukkan udara ke dalam picagari dahulu dengan menarik omboh ke atas. Jumlah udara yang dimasukkan picagari harus bersamaan dengan jumlah insulin jenis keruh yang akan digunakan.

- B. Pastikan botol insulin itu tegak, kemudian masukkan udara tersebut ke dalam botol, dengan menolak omboh ke bawah sepenuh-penuhnya.

Langkah 2b: Masukkan Udara ke dalam Botol Insulin Jenis Jernih (ACTRAPID^R)

Ulangkan Langkah 2a dengan menggunakan insulin jenis jernih (ACTRAPID^R) pula.

Jangan keluarkan picagari selepas anda memasukkan udara ke dalam botol.

Langkah 3a: Keluarkan Insulin Jenis Jernih (ACTRAPID^R)



- A. Bersambung daripada langkah 2b, tanpa mengeluarkan picagari, terbalikkan botol dan picagari, lalu membawanya sejajar dengan paras mata. Keluarkan insulin jenis jernih yang anda memerlukan, lalu keluarkan picagari.

- B. Untuk membaca ukuran pada picagari, lihat pada bahagian atas getah hitam di hujung omboh (sila rujuk kepada anak panah).

Pastikan tiada gelembung udara. Jika ada, jentikkan picagari dengan perlahan-lahan supaya gelembung bergerak ke bahagian atas. Kemudian, tolakkan omboh untuk keluarkan gelembung.

Langkah 3b: Keluarkan Insulin Jenis Keruh (INSULATARD^R)



- A. Masukkan picagari yang telah dipenuhi setengah tadi ke dalam botol insulin jenis keruh. Jangan tolak omboh picagari.
- B. Terbalikkan botol dan picagari, lalu membawanya sejajar dengan paras mata. Keluarkan jumlah insulin jenis keruh yang diperlukan untuk mendapatkan jumlah dos secara keseluruhan* yang betul. Selepas itu, keluarkan picagari.
- C. Untuk membaca ukuran pada picagari, lihat pada bahagian **atas** getah hitam yang terletak di hujung omboh. Pastikan tiada gelembung udara. Jika ada, jentikkan picagari dengan perlahan-lahan supaya gelembung bergerak ke bahagian atas. Kemudian, tolakkan omboh untuk keluarkan gelembung.

*Jumlah dos secara keseluruhan = dos ACTRAPID^R + dos INSULATARD^R


Langkah 4: Pilih tempat suntikan insulin

Bahagian yang kerap digunakan untuk suntikan insulin adalah bahagian perut.

Pastikan suntikan insulin berjarak 2 jari dari pusat (agak-agak 2.5 ke 5cm).

Suntikan insulin juga harus berjarak 2 jari dari tempat suntikan sebelumnya (agak-agak 2 ke 3cm).

Jangan menyuntik ke bahagian yang sama berulang kali.



Langkah 5: Cara untuk Berikan Suntikan Insulin



- A. Bersihkan tempat suntikan dengan kapas beralkohol
- B. Cubitkan sedikit kulit di tempat itu. Dengan menggunakan tangan sebelah, pegang picagari seperti anda memegang pensel. Pastikan picagari tegak dan tolak jarum suntikan ke dalam kulit pada sudut 90 derajat. Tolak omboh ke dalam dengan sepenuhnya. Pada masa yang sama, keluarkan jarum suntikan sambil lepaskan kulit yang dicubit.
- C. Secara perlahan-lahan, tekankan tempat suntikan dengan jari anda selama 5 saat.
Jangan gosok tempat suntikan itu.

Langkah 6: Pembuangan dan Penyimpanan Picagari



- A. Buang picagari yang telah digunakan dalam kotak/botol yang bertutup dan diperbuat daripada plastik keras.
Jangan tutup semula atau guna semula picagari tersebut.
- B. Simpankan botol insulin yang sudah dibuka pada suhu bilik di tempat yang kering dan jauh dari cahaya matahari.
Botol insulin yang belum dibuka harus disimpan di dalam peti sejuk.